

BAB 5

HASIL KAJIAN dan RUMUSAN

5.1 Pendahuluan

Setelah membuat penganalisan ke atas 116 patah perkataan tulisan bunyi kompleks secara terperinci, dapatan kajian dapat dilihat pada Jadual 4.4 (sila rujuk bab 4, muka surat 132). Hasil kajian tersebut jelas menunjukkan bahawa peratusan yang rendah pada komponen-komponen bunyi yang berfungsi membawa maksud hanya 13.8 peratus dan komponen bunyi yang tidak membawa maksud sebanyak 86.2 peratus. Begitu juga hasil kajian yang telah dilakukan oleh *Eng Sze Boon* dalam kajiannya yang bertajuk “Kajian Makna Tersembunyi dan Penentu Sebutan Siri Fonetik ‘ing’”. Kajian tersebut juga mempunyai rumusan yang rendah ke atas komponen bunyi yang membawa maksud. Setelah kajian dijalankan ke atas 30 kumpulan kata siri bunyi “ing”, hanya terdapat 15 kumpulan kata siri bunyi yang membawa maksud. Sungguhpun *Eng* tidak mengira peratusan yang terperinci ke atas komponen bunyi yang membawa maksud, hasil kajiannya jelas menunjukkan bahawa komponen bunyi yang membawa maksud adalah kurang daripada 30 peratus (daripada jumlah 225 tulisan yang dikaji hanya 57 komponen bunyi yang membawa maksud). Peratusan hasil kajian *Eng* tentang komponen bunyi yang membawa maksud adalah lebih tinggi berbanding dengan hasil penyelidikan pengkaji kerana kajian beliau banyak memuatkan perkataan yang tidak digunakan pada masa kini. Banyak perkataan-perkataan yang dikaji adalah tidak diterima pakai lagi. Selain daripada itu, kajian *Eng* tidak menetapkan maksud yang sepunya di antara perkataan-perkataan yang mempunyai komponen bunyi yang sama. Di samping itu, dalam kajian *Eng* menganggap perkataan komponen

bunyi itu membawa maksud walaupun hanya terdapat satu perkataan sahaja. Sebaliknya dalam kajian pengkaji adalah memfokuskan kepada 3000 patah perkataan tulisan bunyi kompleks yang paling kerap digunakan. Kriteria-kriteria yang tertentu juga ditetapkan (rujuk muka surat: 67) untuk memastikan perkataan-perkataan itu membawa maksud.

Beberapa kajian yang dijalankan amat bersangkutan paut dengan teori *Youwen*. Teori tersebut menegaskan bahawa sesuatu komponen bunyi tulisan bahasa Cina itu membawa maksud di samping memainkan peranan sebagai bunyi bacaan. Akan tetapi berdasarkan dua kajian yang telah dijalankan di atas jelas menunjukkan bahawa komponen bunyi berfungsi sebagai penanda bunyi bacaan. Kajian yang menyeluruh ke atas komponen bunyi yang berfungsi sebagai bacaan atau sebutan telah dijalankan oleh seorang ahli bahasa bernama *Zhou Youguang* (*Perkembangan Bahasa Cina Modern*, 1997:70). Beliau telah membuktikan bahawa dalam tulisan bahasa Cina moden, ketepatan komponen bunyi yang berfungsi bacaan hanya satu per tiga atau 33.3 peratus daripada keseluruhan komponen bunyi. Sungguhpun demikian fungsi bunyi bacaan bukan menjadi topik kajian disertasi ini. Persoalan yang timbul selepas kajian disertasi ini dijalankan sama ada perlu atau tidak kajian-kajian seterusnya dijalankan ke atas komponen bunyi dan perkaitan komponen bunyi dengan maksud komponen itu dan juga teori *Youwen* yang menekankan hubungan maksud dengan komponen bunyi tersebut? Adakah ia akan mendatangkan manfaat kepada pengguna bahasa Cina atau dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan menguasai pengetahuan maksud komponen bunyi itu sedangkan peratusan komponen bunyi yang membawa maksud adalah begitu rendah? Kajian komponen bunyi yang membawa maksud merupakan satu bidang kajian yang sangat spesifik. Adakah bidang kajian harus diteruskan atau diberhentikan sahaja? Persoalanan yang timbul akan dibincangkan oleh pengkaji di bahagian cadangan kajian lanjutan.

5.2 Rumusan Kajian

Penyelidikan ini ialah merupakan kajian ke atas “maksud sepunya komponen bunyi dalam tulisan bunyi kompleks” berdasarkan 3000 patah perkataan tulisan yang paling kerap digunakan. Pengetahuan tentang teori *Liushu* adalah penting kerana teori *Liushu* merupakan teori yang paling asas untuk menjalankan penyelidikan ke atas sistem tulisan Cina. Berlandaskan teori *Liushu*, proses pemilihan dan analisis tulisan bunyi kompleks dapat dijalankan. Kajian ini telah menggunakan proses penganalisan yang bersistem dengan berpandukan “analisis komponen makna” untuk mengenal pasti maksud yang terdapat pada komponen-komponen bunyi. Kajian ini telah berjaya menghasilkan satu senarai klasifikasi maksud dan kadar maksud yang dirancang pada bab 1.

Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan, pengkaji dapat membuat beberapa rumusan seperti berikut:

1. Senarai hasil kajian maksud telah membuktikan bahawa terdapat “maksud” yang berkaitan antara tulisan-tulisan bunyi kompleks yang berkomponen bunyi yang sama.
2. Senarai hasil kajian maksud yang dihasilkan juga membuktikan bahawa komponen bunyi selain berfungsi sebagai bunyi juga membawa maksud tertentu. Ini telah menepati apa yang dikemukakan oleh pakar linguistik pada dinasti *Han* yang terkenal dengan teori *Youwen* atau “*Youwenshuo*” .

3. Senarai hasil kajian maksud membuktikan bahawa komponen bunyi yang membawa maksud mempunyai peratusan yang agak kecil iaitu 13.8 peratus berbanding dengan peratusan yang tidak membawa maksud sebanyak 86.2 peratus.
4. Sebanyak 116 patah perkataan telah dikenal pasti dan dijalankan analisis terperinci. Kadar peratusan komponen bunyi tulisan bunyi kompleks yang membawa maksud telah diperolehi. Tulisan Bunyi Kompleks yang membawa maksud ialah hanya 16 patah perkataan dan bersamaan dengan 13.8 peratus.
5. Sebanyak 27.3 peratus atau 6 kumpulan Tulisan Bunyi Kompleks yang membawa maksud. Manakala, terdapat 72.7 peratus atau 16 kumpulan Tulisan Bunyi Kompleks yang tidak membawa maksud.
6. Kesimpulannya, komponen bunyi lebih berfungsi sebagai “penyampai bunyi” berbanding sebagai “penyampai maksud” .

5.3 Cadangan Kajian Lanjutan

Penyelidikan ini merupakan kajian bidang etimologi tulisan Cina yang kompleks. Penyelidikan ini berlandaskan pendekatan induktif yang dikaitkan pula dengan kaedah analisis komponen makna. Penyelidikan ini merupakan kajian secara menyeluruh ke atas Tulisan Bunyi Kompleks daripada 3000 patah perkataan tulisan Cina yang paling kerap digunakan. Kajian ini bertujuan untuk memperoleh hasil kajian yang boleh mendatangkan manfaat kepada pelajar atau pengguna bahasa Cina.

Persoalannya adakah kajian ini akan mendatangkan manfaat kepada pengguna bahasa Cina? Bagaimanakah kajian ini dapat membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina, dengan menguasai maksud komponen bunyi itu, sedangkan peratusan komponen bunyi yang membawa maksud adalah agak rendah. Adakah bidang kajian ini seharusnya diteruskan atau diberhentikan sahaja?

Persoalan yang ditimbulkan sukar diberi jawapan yang tepat memandangkan pandangan dan pendapat setiap individu adalah berlainan. Namun demikian, pada pendapat pengkaji seseorang yang mempunyai pengetahuan berkaitan dengan tulisan bunyi kompleks yang membawa maksud adalah bermanfaat terutamanya dalam menjalankan penyelidikan dan membuat rujukan bahasa klasik. Sungguhpun demikian, seorang ahli linguistik bernama *Qiu Xigui* (裘锡圭) pula berpendapat:

*“Kajian komponen bunyi yang bermaksud adalah membawa kebaikan kepada penyelidikan semantik terutamanya kepada penyelidikan asal usul maksud sesuatu tulisan. Akan tetapi, sekiranya salah menganggap komponen bunyi yang tidak bermaksud dan menganggap ia membawa maksud, ini akan membawa kerumitan dan kesusahan kepada kerja penyelidikan semantik. Oleh yang demikian, kita seharusnya berhati-hati ke atas penyelidikan komponen bunyi samada membawa maksud atau sebaliknya.” (Qiu Xigui, *Wenzixue Gaiyao*. 1998: 176)*

Pendapat *Qiu Xigui* sungguh bernas dan kita boleh menggunakan pendapat itu sebagai panduan untuk menjawab persoalan yang timbul selepas membuat penganalisan. Seharusnya kita berhati-hati dalam menjalankan penyelidikan ke atas komponen bunyi sama ada ke atas komponen bunyi yang membawa maksud atau sebaliknya.

Memandangkan faktor masa dan kemampuan individu adalah terhad, maka pengkaji mencadangkan individu yang berminat boleh menjalankan penyelidikan ke atas bidang yang baru dan yang kerap dikaji oleh pengkaji bahasa di negara China pada tahun 90-an. Kini bidang kajian lebih berlandaskan bidang etimologi dan sistem tulisan Cina iaitu “*Zili shizi yanjiu he jiaoxue*” (字理识字研究和教学)(*Jia Guojun, 1998 :1-5*). Bidang tersebut berkaitan dengan kajian logikal ke atas sistem tulisan Cina dan pengajarannya.

Di samping itu, kajian ke atas Bahasa Cina Malaysia juga boleh dijalankan. Di Singapura terdapat pengkaji bahasa yang mengkaji Bahasa Cina Singapura dan menyusun kamus frasa khas Singapura (*Times Dictionary of Singapore Chinese, Wang Huidi, 1999, Federal Publications*). Di Malaysia belum ada pengkaji bahasa yang menjalankan bidang kajian sebegitu.

Penyelidikan dalam kajian linguistik bahasa Cina terutamanya ke atas tulisan Cina di Malaysia kurang mendapat sambutan di kalangan pengkaji bahasa Cina. Kajian tersebut adalah berdasarkan penyelidikan ke atas trend pelajar Universiti Putra Malaysia pada peringkat Ijazah Sarjana Muda (*B.A. Mandarin*) yang memilih bidang kajian bahasa dan linguistik bahasa Cina. (*A Collection of Selected Papers Presented at The First Chinese Conference in Malaysia, Universiti Putra Malaysia Press Press: 2001:3*).

Sekiranya ada pengkaji bahasa yang hendak menjalankan penyelidikan tentang bidang komponen bunyi dan perkaitannya dengan maksud, hendaklah mempunyai pengetahuan yang luas tentang teori *Liushu*. Seterusnya seseorang pengkaji perlu mempunyai sumber rujukan yang luas dan mencukupi dalam lapangan yang sama. Projek penyelidikan yang besar dan memakan masa lama dalam bidang bahasa seharusnya

dijalankan secara berkumpulan atau dengan membentuk satu jawatankuasa kerja untuk melaksanakan penyelidikan. Penyelidikan secara persendirian pula harus menfokuskan kepada skop dan perspektif kajian yang lebih kecil.